



6 Jun 2023
6 June 2023
P.U. (A) 172

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN
PERKHIDMATAN WANG (BENTUK HAK UNTUK
MENERIMA RINGGIT DAN MATA WANG ASING) 2023

*MONEY SERVICES BUSINESS (FORM OF RIGHT TO
RECEIVE RINGGIT AND FOREIGN CURRENCY)
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG
(BENTUK HAK UNTUK MENERIMA RINGGIT DAN MATA WANG ASING) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 dan subseksyen 78(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Bank, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Bentuk Hak untuk Menerima Ringgit dan Mata Wang Asing) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Bentuk hak untuk menerima ringgit

2. Bagi maksud Akta, bentuk hak untuk menerima ringgit hendaklah termasuk—

(a) deposit ke dalam suatu akaun yang dibuka dengan mana-mana bank berlesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menerima deposit di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia;

(b) cek atau kiriman wang; atau

(c) instrumen pembayaran yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] atau instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].

Bentuk hak untuk menerima mata wang asing

3. Bagi maksud Akta, bentuk hak untuk menerima mata wang asing hendaklah termasuk—

- (a) digital yang dikeluarkan oleh bank pusat atau pihak berkuasa monetari di mana-mana negara, wilayah atau tempat yang diberi kuasa untuk mengeluarkan mata wang oleh undang-undang negara, wilayah atau tempat itu; atau
- (b) instrumen pembayaran yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Dibuat 11 Mei 2023
[BNM.JUN.1110/65/2; PN(PU2)701/Jld. 6]

NOR SHAMSI AH BINTI MOHD YUNUS
Gabenor
Bank Negara Malaysia

Diluluskan 23 Mei 2023
[BNM.JUN.1110/65/01; PN(PU2)701/Jld. 6]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

MONEY SERVICES BUSINESS ACT 2011

MONEY SERVICES BUSINESS (FORM OF RIGHT TO RECEIVE RINGGIT AND
FOREIGN CURRENCY) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 2 and subsection 78(1) of the Money Services Business Act 2011 [*Act 731*], the Bank, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Money Services Business (Form of Right to Receive Ringgit and Foreign Currency) Regulations 2023**.

(2) These Regulations shall be deemed to have come into effect on 1 January 2021.

Form of right to receive ringgit

2. For the purposes of the Act, the form of right to receive ringgit shall include—

(a) deposits into an account opened with any licensed bank or any person authorized to accept deposits under any written law in Malaysia;

(b) cheques or money orders; or

(c) designated payment instrument as defined in subsection 2(1) of the Financial Services Act 2013 [*Act 758*] or designated Islamic payment instrument as defined in subsection 2(1) of the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*].

Form of right to receive foreign currency

3. For the purposes of the Act, the form of right to receive foreign currency shall include—

- (a) digital which is issued by the central bank or monetary authority in any country, territory or place authorized to issue currency by the law of the country, territory or place; or
- (b) designated payment instrument as defined in subsection 2(1) of the Financial Services Act 2013 or designated Islamic payment instrument as defined in subsection 2(1) of the Islamic Financial Services Act 2013.

Made 11 May 2023
[BNM.JUN.1110/65/2; PN(PU2)701/Jld. 6]

NOR SHAMSIAH BINTI MOHD YUNUS
Governor
Central Bank of Malaysia

Approved 23 May 2023
[BNM.JUN.1110/65/01; PN(PU2)701/Jld. 6]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance